

Headline	UMT, FRIM kerjasama kaji kawasan hutan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,656
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,968



## UMT, FRIM kerjasama kaji kawasan hutan

**Kuala Lumpur :** Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam penyelidikan alam semula jadi di Terengganu.

Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata antara kawasan hutan berpotensi diteroka ialah Hutan Gelam, Pulau Bidong dan Tasik Kenyir.

Katanya, fokus kerjasama termasuk pencarian spesies baru, penyelesaian isu sumber alam, pemuliharaan ekosistem pesisiran pantai sebagai perlindungan semula jadi bencana alam serta penerbitan kertas penyelidikan dan dokumentari biodiversiti menyeluruh untuk rujukan antarabangsa.

**Sains marin**  
 “Sebanyak 20 peratus keunikan biodiversiti hutan di negara ini ada di Terengganu. Kelebihan ini perlu diteroka penyelidik tempatan bagi mengelak pihak luar mengambil kesempatan.  
 “Bidang penyelidikan hutan bukan perkara baru bagi UMT yang dikenali dengan kebitaraan dalam bidang marin kerana ilmu sains marin dan sumber akuatik meliputi kajian terhadap 30 hingga 40 kilometer kawasan darat pesisiran pantai,” katanya ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMT dan FRIM di sini, baru-baru ini.

Ibrahim mewakili UMT menandatangani MoU itu sementara FRIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

**Pembantu penyelidik**  
 Sementara itu, Abd Latif berkata, antara program akan dilaksana adalah membiayai pelajar program ijazah doktor falsafah UMT untuk menjalankan penyelidikan biodiversiti melalui Skim Pembantu Penyelidik FRIM. Katanya, pemeteraian MoU itu mengukuhkan kerjasama strategik FRIM dengan UMT bagi menerajui usaha pengurusan hutan secara lestari.  
 “Sebelum ini, beberapa kerjasama penyelidikan dan pembelajaran sudah dilaksana oleh FRIM dan Jabatan Sains Biologi UMT.  
 “Antaranya, penempatan pelajar bagi latihan industri, penempatan kakitangan bagi latihan sabatikal, pertukaran pelajar pasca siswazah untuk aktiviti penyelidikan serta pelantikan pegawai FRIM sebagai profesor adjung,” katanya.

**Latif (kiri) dan Ibrahim bertukar dokumen MoU.**